


Malaysia mampu hasilkan vaksin berkualiti

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - November 1, 2021 @ 11:33am

fahmy.azril@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berucap ketika Majlis Pelancaran Plan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia di Jalan Bangi, Bangi, hari ini. - Foto NSTP/Azhar Ramli

KAJANG: Malaysia mampu mencorak laluan dalam pengeluaran produk vaksin sendiri yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ia melalui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan penubuhan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI).

Perdana Menteri berkata apa yang dilakukan berupaya mengangkat negara menjadi hab pengeluar vaksin selain dapat meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan vaksin.

Sebagai langkah awal ke arah itu, beliau berkongsi tiga projek bersedia untuk dilaksanakan melalui PPVN.

Pertama, katanya dua jenis vaksin COVID-19 menggunakan virus yang dilemahkan (inactivated) dan mRNA yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Pembangunan vaksin ini akan tertumpu kepada *Variant of Concern* (VOC) COVID-19 yang terdapat di Malaysia.

Katanya, ia membabitkan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan iaitu peruntukan penyelidikan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Sukuk Prihatin iaitu bantuan khas peruntukan penyelidikan COVID-19 yang berjumlah RM3.5 juta

"Kedua, vaksin kolera yang dibangunkan hasil kerjasama antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST).

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut membiayai projek ini menggunakan Dana Penyelidikan Strategik (SRF).

"Ia membabitkan sebanyak RM10.5 juta bertajuk, *Development of Mucosal/Oral/Subunit Vaccines Against Cholera, Tuberculosis and COVID-19*.

"Ketiga, Projek *Pre-clinical Evaluation of A Therapeutic Cancer Vaccine for The Treatment of Head and Neck Cancer oleh Cancer Research Malaysia* (CRM) berjumlah RM3 juta yang dibiayai MOSTI.

"Bagaimanapun, memandangkan tiada kemudahan ujian klinikal iaitu *first in human* di Malaysia lagi pada ketika ini, maka CRM akan menjalankan ujian klinikal bermula Februari 2022 sehingga Mac 2023 di United Kingdom (UK)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Dengan menaiktaraf Institut Genom Malaysia kepada MGVI, Ismail Sabri berkata ia bakal menyediakan akses kepada fasiliti penyelidikan bagi memenuhi keperluan pembangunan vaksin selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi 2021-2030.

Bagi pentadbiran MGVI pula, beliau berkata ia akan dipimpin dan dipusatkan di bawah Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) bagi memanfaatkan serta kemampuan yang ada.

"Rangka Kerja PPVN terbahagi kepada enam bidang keutamaan iaitu tadbir urus, infrastruktur pembuatan vaksin, kajian klinikal, pembangunan modal insan dan perolehan teknologi, serta pembangunan vaksin serta komunikasi vaksin.

"Bagi menghasilkan vaksin, tiada jalan singkat dan penghasilannya secara *end-to-end* memerlukan kerjasama pelbagai pihak.

"Lantas, daripada titik permulaan inilah pelaksanaan PPVN memainkan peranannya dalam memberi penekanan kepada kolaborasi di antara kerajaan, saintis, pengamal perubatan dan pemain industri; melalui ekosistem kolaborasi di antara pelbagai pihak yang terdiri daripada pelbagai kementerian, agensi dan syarikat pengeluar di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa," katanya.

Menurut Perdana Menteri, PPVN menetapkan pengeluaran vaksin dalam dua fasa iaitu bagi jangka masa pendek yang mengambil masa satu hingga lima tahun dan jangka masa panjang yang mengambil masa lima hingga 10 tahun.